


KEMRIENG adalah antara monumen yang dipamerkan di sekitar Muzium Negara berdekatan dengan Istana Satu. Berfungsi sebagai tiang pengebumian bagi kaum Sekapan dan Punan Bab. Prosesnya bermula dengan tulang yang dikumpul dari keranda akan diletakkan di dalam tempayan selepas itu diletakkan di puncak tiang yang dianggarkan berusia 200 tahun.



ISTANA Satu adalah salah satu tarikan utama di muzium Negara. Istana ini dibina oleh Sultan Zainal Abidin III, dan ditempatkan di pekarangan Kota Istana Maziah pada 1884. Istana ini berasaskan kepada binaan 'Rumah Tiang Dua Belas'. Strukturnya diperibuat daripada kayu cengal. Ia ditempatkan di Muzium Negara pada 1974.



FANZI KHALID AYEOPI BERITA HARIAN



BH 12/4/08 M/S 32

Warisan Muzium Negara

Selepas 45 tahun ditubuhkan Muzium Negara masih utuh pamer khazanah tanah air

Oleh Siti Haliza Yusop

MUZIUM adalah sebuah institusi yang menjadi tempat menyimpan dan memelihara barangan lama berharga bagi tujuan kajian dan pameran kepada umum.

Ia juga menjadi lapangan bagi penyebaran ilmu pengetahuan mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi bagi sesebuah negara.

Di Malaysia, fungsi penting muzium bermula seawal 1883 apabila Britain yang memerintah Tanah Melayu pada masa itu menubuhkan Muzium Perak di Taiping. Ini diikuti penubuhan Muzium Sarawak di Kuching pada 1888 dan Muzium Selangor pada 1907.

Pembinaan Muzium Negara yang juga muzium utama dan

termasyhur di negara yang juga antara yang terulung di Asia Tenggara bermula dua tahun selepas kemerdekaan apabila kerajaan melantik seorang arkitek untuk membuat reka bentuknya.

Sejak dirasmikan Yang di-Pertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ilni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1963, muzium ini sudah dikunjungi kira-kira 60 juta pelawat tempatan dan luar negara.

Reka bentuknya yang mempunyai elemen estetika dengan ukiran bangunan Istana Melayu tradisional pada masa itu dipilih sendiri Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Semua peristiwa yang

berlaku bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hinggalah ketika Tanah Melayu dijajah dan seterusnya mencapai kemerdekaan pada 1957 dipaparkan secara berjadual di situ.

Bangunan yang dibina di atas bekas tapak Muzium Selangor ini disokong 26 batang tiang simen konkrit yang diubahsuai dengan mengekalkan ciri-ciri tradisional istana Raja-Raja Melayu.

Konsep 26 batang tiang ini



TAPAK Muzium Negara asalnya adalah lokasi Muzium Selangor.

berdasarkan kepada gabungan 13 tiang yang masing-masing kukuh di bahagian timur dan barat bangunan ini bagi menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terbentuk hasil gabungan 13 negeri.

Struktur dalam Muzium Negara dibahagikan kepada tiga tingkat berbeza dengan empat galeri utama yang memaparkan pelbagai koleksi istimewa warisan kebudayaan serta spesimen flora dan fauna seluruh negara.

Ia termasuk pemaparan pelbagai jenis senjata, antaranya koleksi keris dari seluruh Nusantara, seramik zaman Dinasti Ming dan alat muzik tradisional dari seluruh Asia.

Di tingkat bawah Muzium Negara, ada sebuah Kedai Muzium berhampiran dengan

pintu keluar.

Kesempatan berada di situ membolehkan pengunjung mendapatkan koleksi barangan dan cenderamata yang mempunyai nilai kesenian yang tinggi serta sukar dijumpai.

Pengunjung juga boleh mendapatkan barangan pembelajaran sejarah dan kesenian muzium ketika berada di sini.

Setiap sudut Muzium Negara dimanfaatkan sebaiknya, ini termasuk bahagian luar muzium yang digunakan bagi pameran kenderaan, monumen dan struktur bangunan.

Koleksi struktur bangunan seperti pintu gerbang yang diperibuat daripada kayu cengal dan diukir rapi berasal dari Kampung Atas Banggol, Kelantan turut menjadi antara koleksi yang dipamerkan.